


**Cara untuk menyokong  
mangsa terselamat  
Keganasan Berasaskan  
Gender (Gender-based  
Violence – GBV)  
jika Tiada pekerja  
Keganasan Berasaskan  
Gender di kawasan anda**



**PANDUAN PENGGUNA**

**Panduan Pengguna ini dimaksudkan untuk kegunaan bersama dengan Panduan Poket untuk membantu pekerja kemanusiaan** dalam semua sektor, jika tiada pekerja Keganasan Berasaskan Gender (termasuk laluan rujukan Keganasan Berasaskan Gender atau pakar/tempat tumpuan Keganasan Berasaskan Gender) yang tersedia di kawasan anda.

Audiens sasaran bagi Panduan Pengguna ini adalah pengurus program, penyelarar teknikal, ketua pasukan, penyelia dan pekerja lain dengan peranan yang serupa dalam semua sektor, yang bertanggungjawab untuk mengurus, menyelia dan membina keupayaan pasukan. Pengurus Program WASH misalnya, boleh menggunakan Panduan Pengguna ini dan Panduan Poket untuk menerangkan kepada Pekerja Kebersihan, cara untuk menangani pendedahan yang dibuat oleh mangsa keselamatan Keganasan Berasaskan Gender semasa menjalankan aktiviti seharian mereka.



**Panduan Pengguna ini dirangka untuk menyediakan mesej penting dan perancangan bagi:**

1. menyediakan dan mengatur program/intervensi anda dan
2. menerangkan kepada pasukan anda, cara untuk menyokong mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender dalam menjalankan kerja seharian mereka.

Kami menyarankan kerjasama pakar Keganasan Berasaskan Gender untuk menyesuaikan dan menyampaikan taklimat tentang Panduan Poket ini kepada pasukan anda. Sumber ini bukan panduan komprehensif untuk fasilitator dan ia tidak menggantikan konsep asas bagi Keganasan Berasaskan Gender atau latihan kesedaran bagi Keganasan Berasaskan Gender yang harus disediakan oleh pekerja Keganasan Berasaskan Gender kepada pekerja kemanusiaan di mana mungkin. Meskipun Panduan Poket menggunakan rangka kerja Bantuan Kecemasan Psikologi (PFA), pengetahuan atau pengalaman dalam PFA tidak diperlukan untuk menggunakannya.

## ISI KANDUNGAN

### **Bersedia: Menyediakan program yang selamat** ..... **halaman 3**

Petua untuk mempersiapkan program dan kakitangan anda bagi menyokong mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender.

### **Mengarahkan pasukan anda** ..... **halaman 5**

----> **Separuh hari**

----> **Sepanjang hari**

Mesej penting dan langkah wajib untuk menerangkan kepada pasukan anda, cara berurusan dengan mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender yang membuat pendedahan.

### **LAMPIRAN I: Konsep-konsep utama** ..... **halaman 9**

Konsep-konsep penting perlu digunakan untuk menyampaikan latihan dengan baik. Memandangkan kerumitan isu-isu ini, pautan ke sumber yang lebih terperinci ada disediakan sebagai tambahan kepada bahan yang terdapat dalam panduan ini.

### **LAMPIRAN II: Peralatan latihan dan sumber tambahan** ..... **halaman 12**

Sumber tambahan untuk menyediakan sesi taklimat dan risalah tentang kemahiran komunikasi bertumpuan mangsa terselamat.

# BERSEDIA: menyediakan program yang selamat

Respons yang selamat dan memadai bagi mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender bermula dengan persediaan yang mencukupi. Ini adalah langkah yang terpenting, meskipun ia sering diabaikan.

Tujuan utama persediaan dibuat adalah untuk memastikan pilihan bagi mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender. Sebagai pengurus program, ketua pasukan, pekerja teknikal atau pekerja lain yang menjalankan intervensi, anda boleh:

## LANGKAH 1. Merangka pelan

1. **Tentukan** cara untuk menghubungkan mangsa terselamat kepada perkhidmatan yang tersedia. Lihat #2.
2. **Dapatkan pengesahan** pakar Keganasan Berasaskan Gender bagi protokol berkongsi maklumat tentang kejadian Keganasan Berasaskan Gender atau kejadian yang melibatkan kanak-kanak dan remaja. Hubungi rakan sekerja negara atau sokongan teknikal di agensi anda untuk panduan lanjut.
3. **Sahkan** prosedur dan protokol Pencegahan Eksploitasi dan Penderaan Seksual (Prevention of Sexual Exploitation and Abuse – PSEA) yang relevan. Dapatkan panduan daripada sistem penyelarasan kerja kemanusiaan tempatan anda.
4. **Tentukan** cara anda boleh memasukkan atau memperbaiki komponen pengurangan risiko Keganasan Berasaskan Gender dalam program anda. Rujuk kepada seksyen spesifik bagi sektor anda dalam Garis Panduan Jawatankuasa Tetap Antara Agensi (Inter-Agency Standing Committee – IASC) bagi Keganasan Berasaskan Gender (<http://gbvguidelines.org>).
5. **Tentukan** pekerja Keganasan Berasaskan Gender terakhir bagi rantau/negara anda atau di agensi anda yang boleh membantu **membimbing anda dalam tindakan yang perlu dibuat** jika anda atau ahli pasukan anda mendapati senario yang tidak boleh diuruskan oleh anda seperti:
  - Senario yang melibatkan mangsa terselamat kanak-kanak Keganasan Berasaskan Gender;
  - Senario yang melibatkan pelaporan wajib;<sup>1</sup>
  - Senario di mana nyawa mangsa terselamat dipastikan berada dalam bahaya;
  - Senario di mana mangsa terselamat mungkin mencederakan diri mereka atau orang lain.

<sup>1</sup> Seseengah konteks dalam kes tertentu adalah wajib untuk dilaporkan.  
Rujuk kepada tempat tumpuan Perlindungan anda untuk maklumat dan panduan lanjut.



## JANGAN BUAT JAHAT: Jangan kongsi maklumat tentang mangsa terselamat

Tekankan kepada pasukan anda, kepentingan melindungi identiti dan keselamatan mangsa terselamat dengan tidak berkongsi sebarang maklumat peribadi atau pengecaman diri mangsa terselamat atau kejadian itu dengan sesiapa, tanpa kebenaran jelas daripada mangsa terselamat untuk berkongsi maklumat dan/atau pengalaman mereka. Maklumat peribadi atau pengecaman diri merangkumi nama mangsa terselamat, nombor pendaftaran, nama pelaku, tarikh lahir, alamat rumah, alamat kerja, lokasi sekolah anak-anak mereka, waktu dan tempat kejadian berlaku dll.

## 2. Ingat perkhidmatan yang sedia ada

Sentiasa hubungi pakar Keganasan Berasaskan Gender untuk mengetahui jenis perkhidmatan yang tersedia di kawasan anda. Meskipun tiada pekerja Keganasan Berasaskan Gender, termasuk laluan rujukan atau tempat tumpuan Keganasan Berasaskan Gender yang tersedia di kawasan anda, mungkin ada perkhidmatan lain yang boleh membantu mangsa terselamat. Pekerja kemanusiaan bertanggungjawab untuk memiliki maklumat yang terkini tentang perkhidmatan dan sokongan yang ada dalam komuniti di mana mereka bekerja. **Penting untuk mengetahui perkhidmatan yang tersedia – termasuk perkhidmatan di peringkat komuniti.** Bersama dengan agensi, dan pasukan atau kluster anda, tetapkan tempat tumpuan (seperti pekerja kesihatan, kesihatan mental/sokongan psikososial dan perlindungan) yang boleh memberikan maklumat tentang perkhidmatan yang tersedia.

**SUMBER:** 3 dan 4 W (*Siapa, Apa, di Mana dan Bila – Who, What, Where and When*), panduan kluster atau sektor dan laman web/tapak kongsi maklumat, perjumpaan penyelarasan sub-negara atau negara, organisasi hak wanita dan masyarakat sivil, penyedia perkhidmatan tempatan/kerajaan, Sub-Kluster Keganasan Berasaskan Gender atau Kumpulan Kerja yang aktif, Portal Data UNHCR, UN OCHA, [humanitarianresponse.info](http://humanitarianresponse.info).

## 3. Tangani prasangka dan andaian anda

Sesiapa sahaja boleh mengalami Keganasan Berasaskan Gender, tanpa mengambil kira: gender, orientasi seksual, identiti gender, status kahwin, status ketidakupayaan, umur, etnik/puak/bangsa/agama, siapa pelaku keganasan, dan situasi di mana keganasan tersebut telah dilakukan. Pekerja kemanusiaan seperti kita wajib menghormati dan melindungi hak dan keperluan semua orang, dan tidak boleh membuat andaian atau menghakimi.



## PERKHIDMATAN KESIHATAN & TEMPOH KRITIKAL BAGI MANGSA TERSELAMAT

Ada kemudahan kesihatan yang menyediakan rawatan untuk mencegah HIV dalam masa 72 jam dari waktu kejadian, dan mencegah kehamilan tidak diingini dalam masa 120 jam dari waktu kejadian. Anda tidak bertanggungjawab untuk menentukan ketersediaan perkhidmatan kesihatan bagi mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender. Tetapi, penting untuk anda **berkongsi dengan mangsa terselamat, maklumat perkhidmatan kesihatan yang ada di kawasan anda.**

**Setelah semua maklumat yang ada diberikan kepada mangsa terselamat, terpulang kepada mereka untuk membuat keputusan** kerana mendapatkan perkhidmatan kesihatan akan membawa manfaat dan juga risiko. Manfaat mendapatkan penjagaan adalah penerimaan rawatan yang boleh memperbaiki kesihatan. Risiko mendapatkan penjagaan adalah kemungkinan perkhidmatan tidak tersedia atau berkualiti rendah; penyedia perkhidmatan tidak sensitif atau memudaratkan keadaan; kerahsiaan mangsa terselamat akan terjejas, dan mendedahkan mereka kepada lebih banyak bahaya.

# Mengarahkan pasukan anda

## Menyediakan nota-nota dan bahan taklimat:

1. **Baca** dan biasakan diri anda dengan Panduan Poket ini dan nota latar. Hubungi Sub-Kluster/Kumpulan Kerja Keganasan Berasaskan Gender di negara anda, untuk sokongan dan panduan teknikal. Jika tiada mekanisme penyelarasan atau tempat tumpuan Keganasan Berasaskan Gender dalam negara, hubungi Kluster/Sektor Perlindungan.
2. **Sediakan** senarai perkhidmatan dan tempat tumpuan untuk dikongsi dengan pasukan anda semasa taklimat.
3. **Semak** Panduan Pengguna ini dengan teliti, dan jika boleh, dapatkan sumber tambahan yang dirujuk dalam LAMPIRAN I dan II untuk lebih memahami konsep asas dan prinsip bertumpuan mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender.
4. **Tentukan** siapa peserta latihan anda. Jumlah maksimum peserta adalah 25 orang bagi mana-mana satu sesi. Cuba bekerja dengan pasukan berbagai sektor untuk mendapatkan berbilang penyedia perkhidmatan dan/atau bekerja dengan agensi individu untuk memfokus pada protokol spesifik dan mekanisme pelaporan serta sumber.
5. **Jika selamat dan sesuai dilakukan, kumpulkan** contoh-contoh pengalaman yang boleh digunakan, daripada kakitangan (secara anonim, dan tukar butiran kes bagi memastikan ia tidak dapat dikenal pasti).
6. **Sesuaikan** agenda dengan keperluan konteks dan peserta anda, dan tentukan format yang terbaik untuk menyampaikan latihan (1 sesi taklimat atau dibahagikan sepanjang beberapa hari).
7. **Sesuaikan** latihan dan risalah dalam Lampiran II bagi memastikan perkaitan dan kesesuaiannya dalam konteks anda.
8. **PILIHAN SEPANJANG HARI:** Hubungi pakar Keganasan Berasaskan Gender di agensi anda atau rakan kerja anda, untuk merangka dan berlatih kajian kes dan lakon peranan.

## Mesej penting dan agenda taklimat:

Di bawah ini adalah contoh agenda taklimat yang boleh disesuaikan menurut konteks dan keperluan pasukan anda. Masa minimum yang disarankan bagi menerangkan Panduan Poket kepada pasukan adalah sehari suntuk bagi latihan, atau 7 jam yang dibahagikan sepanjang tempoh 2 atau 3 minggu, dan disesuaikan dalam berbilang format (latihan di tempat kerja, bimbingan mentor, dll). Ini akan memberi masa yang mencukupi bagi perbincangan dan dialog, untuk lebih memahami mesej penting dan prinsip-prinsip panduan. Agenda separuh hari turut disertakan untuk menerangkan keperluan operasi dalam keadaan kecemasan.

Jika anda ada lebih banyak masa, sesi-sesi boleh dilanjutkan menggunakan dokumen rujukan dalam LAMPIRAN II. Berikan tumpuan khusus pada cara untuk menangani sikap yang boleh memudaratkan mangsa terselamat, dan cara untuk meningkatkan kemahiran komunikasi bertumpukan mangsa terselamat.

### TOPIK: Pengenalan

SEPARUH HARI:  
15 min

SEPANJANG HARI:  
30 min

#### AKTIVITI:

- **Sampaikan mesej penting**

#### PERALATAN & SUMBER:

- **Nota Latar**

#### MESEJ PENTING:

- > Taklimat ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat asas dan sumber tentang cara membantu seseorang yang memberitahu anda mereka telah mengalami Keganasan Berasaskan Gender. Kemahiran yang dipelajari hari ini boleh digunakan bagi sesiapa yang memerlukannya, tetapi fokus khusus kita adalah situasi yang melibatkan mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender.

- > Anda tidak bertanggungjawab untuk mencari-cari mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender. Ini boleh memburukkan lagi keadaan. Sebaliknya, kita akan membincangkan cara untuk menjadi sumber yang berguna jika didatangi orang yang meminta bantuan.
- > Peranan anda adalah mendengar tanpa menghakimi, dan menyediakan maklumat yang tepat, terkini tentang perkhidmatan yang tersedia dan biarkan mangsa terselamat buat keputusan mereka sendiri.
- > Anda tidak perlu memberi kaunseling, menemu bual mereka, mengetahui tentang kejadian dan butirannya, memberitahu mereka apa yang perlu dibuat, atau memberi pendapat anda.
- > Pekerja kemanusiaan seperti kita wajib menghormati dan melindungi hak dan keperluan semua orang yang memerlukan bantuan, dan tidak boleh membuat andaian atau menghakimi.

### TOPIK: Apakah itu Keganasan Berasaskan Gender

SEPARUH HARI:  
15 min

SEPANJANG HARI:  
30 min

#### AKTIVITI:

- **Sampaikan mesej penting**
- **Perbincangan kumpulan dan penjelasan konsep**

#### PERALATAN & SUMBER:

- **LAMPIRAN I Konsep-konsep Utama**
- **LAMPIRAN II Risalah dan sumber tambahan**
- **Carta selak dan penanda**

#### MESEJ PENTING:

- > **Definisi Keganasan Berasaskan Gender:** sebarang tindakan memudaratkan yang dilakukan terhadap seseorang tanpa kerelaan mereka dan yang berlaku berasaskan perbezaan sosial (gender) yang wujud antara lelaki dan wanita. Ia termasuk tindakan yang menyebabkan mudarat atau seksaan fizikal,

seksual atau mental, ancaman untuk melakukan tindakan itu, pemaksaan, dan penghalangan kebebasan yang lain. Tindakan ini boleh berlaku di tempat awam mahupun dalam diam.

- > **Bentuk Keganasan Berasaskan Gender:** Keganasan Berasaskan Gender merangkumi keganasan fizikal, emosi atau seksual. Semua bentuk Keganasan Berasaskan Gender mempunyai kesan jangka panjang yang serius, dan respons berlainan perlu digunakan bagi menangani bentuk keganasan yang berbeza.
- > **Kesan Keganasan Berasaskan Gender:** Keganasan Berasaskan Gender akan menjejaskan keadaan emosi, kesihatan/fizikal dan sosial. Semasa menangani pendedahan, jangan memburukkan lagi situasi dengan mendedahkan mangsa terselamat kepada kemungkinan dihukum oleh pelaku atau keluarganya, dicap, atau keganasan lebih teruk daripada komuniti atau keluarga mangsa terselamat, atau memburukkan lagi pemangsaan atau menyalahkan mangsa terselamat atas keganasan itu.

## TOPIK: Prinsip-prinsip Panduan dan Respons yang Selamat

SEPARUH HARI:  
15 min

SEPANJANG HARI:  
30 min

### AKTIVITI:

- Sampaikan mesej penting
- Latihan mitos berbanding fakta

### PERALATAN & SUMBER:

- Mesej penting Panduan Poket terletak pada *halaman 2 dan 3, dan halaman 16 (bagi kanak-kanak)*
- Lampiran II: Risalah tentang sikap bertumpukan mangsa terselamat

### MESEJ PENTING:

----> Mengesahkan kewajipan ahli kemanusiaan: Semua pekerja kemanusiaan wajib menyokong orang yang perlukan bantuan tanpa menghakimi dan mendiskriminasi, tanpa mengambil kira:

- Gender,
- Orientasi seksual,
- Identiti gender,
- Status kahwin,
- Ketidakupayaan,
- Umur,
- Etnik/puak/bangsa/agama,
- Siapa yang melakukan keganasan, dan
- Situasi di mana keganasan tersebut telah dilakukan.

----> Peranan anda adalah mendengar tanpa menghakimi, dan menyediakan maklumat yang tepat, terkini tentang perkhidmatan yang tersedia dan biarkan mangsa terselamat buat keputusan mereka sendiri.

----> Anda tidak perlu memberi kaunseling, menemu bual mereka, mengetahui tentang kejadian dan butirannya, memberitahu mereka apa yang perlu dibuat, atau memberi pendapat anda.

----> Setiap mangsa terselamat ada masalah yang berbeza, jadi penting untuk kita mendengar, dan menyediakan maklumat agar mereka dapat membuat keputusan mereka sendiri.

----> Ambil pendekatan bertumpukan mangsa terselamat, dengan mengamalkan:

- **Menghormati:** semua tindakan harus diambil berpandukan pilihan, kehendak, hak dan maruah mangsa terselamat.
- **Keselamatan:** keselamatan dan perlindungan mangsa terselamat adalah keutamaan terpenting.
- **Kerahsiaan:** seseorang itu berhak untuk menentukan kepada siapa mereka akan menceritakan kisah mereka. Menjaga kerahsiaan bermakna tidak berkongsi apa-apa maklumat pada bila-bila masa dengan sesiapa sahaja, tanpa kebenaran mangsa terselamat.
- **Tidak mendiskriminasi:** memastikan layanan yang sama rata dan adil bagi sesiapa yang perlukan bantuan.

## TOPIK: Bersedia

SEPARUH HARI:  
15 min

SEPANJANG HARI:  
30 min

### AKTIVITI:

- Pembentangan

### PERALATAN & SUMBER:

- Panduan Poket Carta Alir *hlm. 4 dan Lembaran Maklumat hlm. 5-6*

### MESEJ PENTING:

----> Perkenalkan Panduan Poket.

----> Di kawasan kami, tiada pekerja Keganasan Berasaskan Gender yang boleh menyediakan penjagaan dan perkhidmatan khusus bagi mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender.

----> Tetapi, kami ada beberapa perkhidmatan lain yang mungkin dapat membantu mangsa terselamat.

----> Isikan lembaran maklumat dalam Panduan Poket.

----> Ini adalah maklumat yang boleh dikongsi dengan mangsa terselamat, dan biarkan mangsa terselamat membuat pilihan sendiri untuk mengakses atau tidak mengakses perkhidmatan ini. (Sediakan maklumat tentang perkhidmatan yang tersedia, cara mengaksesnya, dan tempat-tempat tumpuan).



## TOPIK: Pandang & Dengar

SEPARUH HARI:  
1 jam

SEPANJANG HARI:  
2.5 jam

### AKTIVITI:

- Pembentangan dan perbincangan kumpulan

### PERALATAN & SUMBER:

- Panduan Poket YA dan JANGAN bagi PANDANG hlm. 7 dan DENGAR hlm. 8; Perspektif mangsa terselamat hlm. 11, huraian bagi PANDANG hlm. 13, huraian bagi DENGAR hlm. 14, seksyen kanak-kanak bagi PANDANG dan DENGAR hlm. 17 dan 18
- LAMPIRAN II: Risalah tentang kemahiran komunikasi bertumpukan mangsa terselamat

**SEPANJANG HARI:** Lakon peranan (hubungi pakar Keganasan Berasaskan Gender untuk merangka lakon peranan yang khusus menurut konteks)

### MESEJ PENTING:

- > *Nota kepada fasilitator:* Cuba terangkan seksyen ini dengan bantuan pakar Keganasan Berasaskan Gender.
- > Jangan abaikan sesiapa yang cuba dapatkan sokongan anda.
- > Keperluan mangsa terselamat harus diutamakan.
- > Menjaga kerahsiaan. Jangan mencatat apa-apa tentang mangsa terselamat atau kejadian. Ini bermakna jangan menulis apa-apa, jangan mengambil gambar, jangan berbincang secara berkumpulan dengan mangsa terselamat, jangan memanggil pihak media, jangan merakam apa-apa perbualan pada telefon atau peranti lain.

- > Biarkan mangsa terselamat meluahkan emosi mereka dalam apa jua cara – ada yang akan berdiam diri, ada yang akan marah dan menjerit, menangis, dan sebagainya. Dengar, dan tanya bagaimana anda boleh membantu mereka. Jangan bertanya tentang butiran kejadian, tetapi tekankan kepada mangsa terselamat bahawa anda sedia mendengar apa sahaja yang mereka ingin kongsi.
- > Peka terhadap situasi yang tidak selamat bagi mangsa terselamat atau diri anda. Bagi situasi seperti ini, mungkin ada tempat tumpuan lain yang dapat memberi sokongan yang lebih sesuai.
- > *Nota kepada fasilitator:* terangkan protokol Pencegahan Eksploitasi dan Penderaan Seksual dan prosedur lain yang relevan dalam konteks anda, termasuk pembatasan kerahsiaan, keperluan perkongsian/ pelaporan maklumat, dan peruntukan bagi kanak-kanak.
- > **INGAT**, jika anda ingin dapatkan sokongan daripada penyelia atau pekerja kemanusiaan lain, SENTIASA minta kebenaran mangsa terselamat terlebih dahulu, termasuk memberitahu mereka dengan siapa anda ingin bercakap, mengapa anda ingin bercakap dengan mereka, dan maklumat yang ingin dikongsi. Jika mangsa terselamat tidak selesa atau enggan berkongsi maklumat mereka, bantu mereka dengan menggunakan alat-alat dalam Panduan Poket ini.
- > Sebagai pekerja kemanusiaan, tugas kita adalah untuk menghormati dan melindungi hak-hak serta keperluan semua orang yang memerlukan bantuan, dan jangan membuat andaian atau menghakimi mereka.

## TOPIK: Pautan

SEPARUH HARI:  
1 jam

SEPANJANG HARI:  
1.5 jam

### AKTIVITI:

- Pembentangan dan perbincangan kumpulan

### PERALATAN & SUMBER:

- Panduan Poket YA dan JANGAN bagi HUBUNG hlm. 9 – 10, huraian bagi HUBUNG hlm. 15, seksyen kanak-kanak bagi HUBUNG hlm. 19

### MESEJ PENTING:

- > Nota kepada fasilitator: Bekerjasama dengan pakar Keganasan Berasaskan Gender.
- > Peranan utama anda adalah menyediakan maklumat tentang perkhidmatan lain yang tersedia, jika ada. Jika ada perkhidmatan, berikan maklumat yang tepat kepada mangsa terselamat tentang perkhidmatan atau pilihan tersebut.
- > Jika tiada perkhidmatan, penting untuk anda berterus-terang dengan mangsa terselamat, dan berterima kasih atas keberanian mereka untuk berkongsi pengalaman mereka dengan anda, minta maaf kerana anda tidak dapat memberi lebih banyak bantuan, dan jaga maruah mangsa terselamat semasa anda berbual dengan mereka.
- > Tamatkan perbualan dengan penuh belas kasihan. Ingat, anda perlu menyokong keputusan dan pilihan mangsa terselamat, meskipun mereka tidak membuat apa-apa keputusan. Jangan ulangi sesi atau perjumpaan dengan mangsa terselamat, berikan kaunseling, atau cuba uruskan kes mangsa terselamat.

- > Setelah perbualan ditamatkan, ikuti protokol spesifik agensi untuk berkongsi maklumat dalam situasi seperti ini. — *Nota kepada fasilitator: penyediaan butiran perlu disiapkan.*
- Jangan kongsi maklumat tentang mangsa terselamat atau kejadian dengan sesiapa sahaja. Ingat, meskipun anda telah melakukan yang terbaik, anda tidak akan dapat mengubah pengalaman atau menghilangkan derita mereka. Mendengar pengalaman orang lain boleh mendedahkan anda kepada pengalaman mereka yang terseksa, traumatik, atau melukakan hati – juga dipanggil trauma sekunder. Fikirkan cara untuk menangani perasaan ini bagi menjaga diri anda. Hubungi sistem sokongan dan rangkaian anda sendiri, untuk mendapatkan galakan dan sokongan. — *Nota kepada fasilitator: sediakan sumber bagi pilihan penjagaan kakitangan, termasuk menyediakan ruang yang selamat untuk berjumpa dengan ketua pasukan bagi mendapatkan sokongan psikosial*
- > Jika anda bimbang tentang kesejahteraan mangsa terselamat atau sama ada mereka telah menerima sokongan yang sesuai, semak situasi mereka dengan penyedia perkhidmatan. JANGAN menghubungi mangsa terselamat sendiri.
- > Memandangkan keganasan boleh berlaku mengikut masa, anda mungkin akan berjumpa lagi dengan orang ini, atau mendapati mereka telah melalui keganasan sekali lagi. Meskipun anda tidak dapat mengubah pengalaman mereka, anda boleh mendengar tanpa menghakimi mangsa terselamat pada setiap kali, meskipun anda pernah bercakap dengan mereka sebelum ini.



# LAMPIRAN I: Konsep-konsep Utama

## Apakah itu Keganasan Berasaskan Gender?

**KEGANASAN BERASASKAN GENDER** adalah sebarang tindakan memudaratkan yang dilakukan terhadap seseorang tanpa kerelaan mereka dan yang berlaku berasaskan perbezaan sosial (gender) yang wujud antara lelaki dan wanita. Ia termasuk tindakan yang menyebabkan mudarat atau seksaan fizikal, seksual atau mental, ancaman untuk melakukan tindakan itu, pemaksaan, dan penghalangan kebebasan yang lain. Tindakan ini boleh berlaku di tempat awam mahupun dalam diam.

**GENDER** merujuk kepada perbezaan sosial antara lelaki dan wanita, yang telah dipelajari. aMeskipun perbezaan sosial ini wujud dalam setiap budaya, ia boleh berubah lama-kelamaan, dan merangkumi berbagai perbezaan di dalam dan di antara budaya. "Gender" menentukan peranan, tanggungjawab, peluang, keistimewaan, jangkaan, dan pembatasan bagi golongan lelaki dan wanita dalam semua budaya.

### Contoh faktor penyebab bagi Keganasan Berasaskan Gender dalam situasi kecemasan atau semasa pemindahan:

- Ancaman/bentuk Keganasan Berasaskan Gender baharu berkaitan konflik
- Kekurangan privasi, penuh sesak, dan kekurangan akses selamat kepada keperluan asas
- Jenis bantuan kemanusiaan boleh meningkatkan atau menimbulkan risiko Keganasan Berasaskan Gender yang baharu
- Terpisah daripada ahli keluarga, ketiadaan dokumen, diskriminasi pendaftaran
- Pemutusan mekanisme sosial pelindung, dan norma yang mengawal kelakuan
- Risiko dan kebergantungan bertambah; eksploitasi
- Adanya dinamik kuasa yang baharu, seperti pekerja kemanusiaan

## Apakah punca bagi Keganasan Berasaskan Gender? Apakah faktor-faktor penyebab bagi Keganasan Berasaskan Gender?

**KEGANASAN BERASASKAN GENDER BERPUNCA DARIPADA KETIDAKSAMAAN DAN PENYALAHGUNAAN KUASA.** Sesiapa sahaja boleh mengalami Keganasan Berasaskan Gender termasuk lelaki, kanak-kanak lelaki dan kumpulan gender minoriti. Dalam pada itu, wanita dan kanak-kanak perempuan akan terjejas secara tidak adil oleh keganasan lelaki yang menundukkan, menguasai, menghukum atau mengawal mereka. Gender pelaku dan mangsa terselamat adalah penting untuk memahami sebab di sebalik keganasan, dan sebab masyarakat membiarkan atau bertindak terhadap keganasan.

**FAKTOR PENYEBAB** adalah sesuatu yang memburukkan lagi masalah. Faktor-faktor penyebab bagi Keganasan Berasaskan Gender berbeza menurut persekitaran, populasi dan bentuk Keganasan Berasaskan Gender. Situasi tertentu boleh memburukkan lagi Keganasan Berasaskan Gender, seperti situasi kecemasan di bawah ini. Contoh-contoh ini menekankan kepentingan menangani Keganasan Berasaskan Gender melalui intervensi dengan menyasarkan berbagai risiko berlainan.

## Apakah bentuk Keganasan Berasaskan Gender yang ada?

### KEGANASAN SEKSUAL

Apa-apa tindakan seksual yang dilakukan atau cuba dilakukan terhadap seseorang, tanpa kerelaan atau kebenaran mereka. Keganasan seksual termasuk rogol (hubungan seks dipaksa, termasuk oleh pasangan intim/suami), serangan seksual, penderaan seksual kanak-kanak, eksploitasi seksual oleh orang dalam kedudukan berkuasa (seperti pekerja kemanusiaan) atau untuk memperolehi wang, perkhidmatan atau barang.

### KEGANASAN FIZIKAL

Tindakan keganasan fizikal yang tidak bersifat seksual. Keganasan bentuk ini sering berlaku dalam hubungan pasangan intim. Ia merangkumi berbagai bentuk keganasan atau tindakan yang menyebabkan kesakitan atau kecederaan fizikal. Contohnya termasuk: memukul, menampar, melemaskan, meragut, mencubit, menggigit, menarik rambut, membakar, mencekik, memotong, menembak atau menggunakan sebarang senjata.

### KEGANASAN EMOSI DAN PSIKOLOGI

Ini adalah kesan kesakitan atau kecederaan mental atau emosi. Ia merangkumi keganasan bukan fizikal yang dilakukan, biasanya oleh pasangan intim atau orang dalam kedudukan berkuasa. Contohnya, keganasan emosi dan psikologi yang turut merangkumi serangan lisan.

### KEGANASAN SOSIAL ATAU EKONOMI

Ini termasuk keganasan bukan fizikal, atau yang terkandung dalam undang-undang dan dasar yang menghalang wanita dan kanak-kanak perempuan, serta kumpulan berisiko yang lain daripada memperolehi pendapatan/gaji, perkhidmatan kewangan, aset dan peluang sosial untuk maju. Contoh-contoh: (1) diskriminasi dan/atau penafian peluang, perkhidmatan atau sumber, (2) penafian akses kepada pendidikan, bantuan kesihatan atau kerja bergaji dan/atau (3) penafian hak kepada harta. Keganasan seperti ini boleh dilakukan oleh ahli keluarga, ahli komuniti, masyarakat, institusi dan organisasi.



**Sesetengah amalan tradisional yang memudaratkan** boleh dianggap sebagai Keganasan Berasaskan Gender, jika ia berniat untuk memastikan wanita dan kanak-kanak perempuan terus dapat ditundukkan. Contohnya adalah Mutilasi Genital Wanita (Female Genital Mutilation – FGM), Perkahwinan paksa dan Perkahwinan kanak-kanak, serta pembunuhan bermaruah.

**Keganasan Pasangan Intim, juga dipanggil Keganasan Rumah tangga**, adalah kelakuan mendera dalam hubungan intim termasuk perkahwinan, yang dilakukan oleh seseorang untuk mendapatkan atau mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas pasangannya. Ia sering melibatkan beberapa bentuk keganasan, termasuk keganasan emosi/psikologi yang berlanjutan, penderaan fizikal dan seksual.

## Pencegahan Eksploitasi dan Penderaan Seksual

Pencegahan Eksploitasi dan Penderaan Seksual merujuk kepada langkah-langkah untuk melindungi mereka yang paling berisiko daripada eksploitasi dan penderaan seksual oleh pekerja kemanusiaan dan kakitangan yang berkaitan, termasuk pekerja bantuan kemanusiaan, sukarelawan, pengawal keselamatan, kontraktor, kakitangan misi UN, kakitangan polis UN, pendamai, pembekal/penjual barang dan perkhidmatan untuk tujuan kemanusiaan, dan sebagainya.

## Apakah kesan Keganasan Berasaskan Gender terhadap mangsa terselamat?

Keganasan Berasaskan Gender memberi kesan serius atas kesihatan seksual, fizikal dan psikologi mangsa terselamat, dan meningkatkan risiko bagi masalah kesihatan pada waktu kemudian. Keganasan Berasaskan Gender adalah pengalaman yang boleh **mengancam nyawa**, dan akibatnya termasuk:

KESAN KESIHATAN FIZIKAL	KESAN KESIHATAN PSIKOLOGI	KESAN SOSIAL
Kecederaan fizikal	Kemurungan dan kesedihan	Mangsa disalahkan
Ketidakupayaan	Ketakutan dan keresahan	Stigma
Jangkitan Hubungan Jenis, termasuk HIV	Menyalahkan diri sendiri, rasa bersalah dan malu	Dibuang dan diasingkan oleh keluarga dan/atau komuniti
Kehamilan tidak diingini	Mengalami semula trauma, kenang balik	Perkahwinan paksa
Pengguguran tidak selamat, keguguran	Mengelakkan tempat atau situasi, mengasingkan diri	Keupayaan/sumbangan pendapatan menurun
Fistula	Kemarahan	Kemiskinan bertambah
Sakit kronik	Sukar untuk memfokus atau mengingat	Risiko pemangsaan semula
Masalah tidur dan makan	Mencederakan diri	Kematian/Pembunuhan bermaruah
Kematian, termasuk membunuh diri	Pemikiran/tindakan membunuh diri	

## LAMPIRAN I: Konsep-konsep Utama—*sambungan*

Kita perlu fahami kesan Keganasan Berasaskan Gender terhadap mangsa terselamat, yang boleh menjejaskan kelakuan dan pilihan mereka berikutan pengalaman keganasan itu. Jangan memburukkan lagi keadaan dengan menekankan apa-apa kesan negatif, seperti menyalahkan mangsa terselamat atas keganasan yang dialami, atau meremehkan reaksi mereka.

Akhir sekali, kita mesti memastikan kerahsiaan mangsa terselamat bagi mengelakkan kesan sosial terhadap mereka. Mangsa terselamat tidak akan meminta bantuan jika mereka bimbang tindakan mereka akan diketahui keluarga atau komuniti mereka, kerana takut akan kesan sosialnya. Memastikan dan mengekalkan kerahsiaan akan menambah keyakinan mangsa terselamat untuk dipercayai anda dan meminta bantuan daripada anda.

### Apakah yang diperlukan oleh mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender?

Disebabkan kesan Keganasan Berasaskan Gender yang disebut di atas, kebanyakan mangsa terselamat mempunyai berbagai keperluan yang berbeza. Semua mangsa terselamat akan bereaksi dalam cara yang berbeza, dan mempunyai keperluan yang berbeza, jadi DENGAR mangsa terselamat, dan tanya apa yang mereka perlukan. Jangan mengandaikan sendiri keperluan utama mereka. Mangsa terselamat juga mesti dipercayai, dan tidak boleh disalahkan atas keganasan yang mereka alami. Ini akan membina kepercayaan mereka, supaya mereka rasa selesa untuk tampil meminta bantuan.

Keutamaan utama dalam menangani kes Keganasan Berasaskan Gender adalah keselamatan fizikal dan emosi bagi mangsa terselamat dan diri anda. Perkhidmatan kesihatan asas yang tersedia boleh membantu mengurangkan beberapa kesan Keganasan Berasaskan Gender, tetapi kesan-kesan psikologi dan sosial adalah lebih sukar untuk ditangani. Rujuk kepada panduan poket untuk maklumat lanjut tentang perkhidmatan yang boleh menyokong mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender, jika tiada perkhidmatan kesihatan, psikososial atau undang-undang yang khusus bagi Keganasan Berasaskan Gender.

***Rujuk kepada senarai Ya dan Jangan dalam panduan poket untuk petua menjaga kesejahteraan emosi.***

### Apakah prinsip-prinsip panduan utama bagi memastikan keselamatan mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender?

#### **HAK KEPADA KESELAMATAN:**

Keselamatan merujuk kepada keselamatan dan perlindungan fizikal daripada bahaya, selain keselamatan psikologi dan emosi bagi orang yang amat tertekan. Memastikan keselamatan dan perlindungan bagi mangsa terselamat, keluarga mereka, dan penjaga serta penyokong mereka, termasuk diri anda, adalah amat penting. Individu yang

mendedahkan Keganasan Berasaskan Gender berisiko tinggi untuk mengalami keganasan seksual atau keganasan lain yang lebih teruk oleh pelaku, pelindung pelaku (termasuk keluarga, ketua komuniti atau pihak berkuasa) dan keluarga mereka sendiri, atas alasan menjaga maruah keluarga.

### **HAK KEPADA KERAHSIAAN:**

Kerahsiaan merujuk kepada hak individu untuk merahsiakan apa-apa maklumat tentang diri mereka, kecuali dibenarkan dengan jelas oleh mereka. Ia menggalakkan keselamatan, kepercayaan dan pemerksaan. Menjaga kerahsiaan bermakna tidak mendedahkan apa-apa maklumat pada bila-bila masa, kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran termaklum mangsa terselamat. Tidak menjaga kerahsiaan boleh membahayakan lagi keadaan mangsa terselamat dan orang lain, termasuk mereka yang telah diberitahu oleh mangsa terselamat.

### **HAK KEPADA MARUAH DAN PENENTUAN DIRI:**

Semua pihak yang berhubungan dengan mangsa terselamat berperanan untuk mengembalikan maruah dan penentuan diri mereka yang telah hilang akibat Keganasan Berasaskan Gender. Contohnya, mangsa terselamat berhak untuk memilih dengan siapa mereka ingin kongsi maklumat mereka, dan perkhidmatan mana yang ingin diakses. Mangsa terselamat adalah individu utama, dan peranan pembantu adalah menyediakan maklumat yang boleh membantu pemulihan mereka. Tidak menghormati maruah, kehendak dan hak mangsa terselamat boleh membuat mereka rasa semakin tidak berdaya dan malu, menyalahkan diri sendiri, menyebabkan pemangsa semula, dan memburukkan lagi keadaan.

### **HAK UNTUK TIDAK DIDISKRIMINASIKAN:**

Semua orang berhak untuk mendapatkan bantuan terbaik, tanpa diskriminasi berdasarkan gender, umur, ketidakupayaan, bangsa, bahasa, fahaman agama atau politik, orientasi seksual atau kelas sosial.

## **Untuk maklumat dan pemahaman lanjut tentang konsep-konsep utama ini, sila rujuk kepada:**

- > **Garis Panduan Keganasan Berasaskan Gender (EN, AR, FR, SP, MS dan ZH):**  
<http://gbvguidelines.org/en/home/>
- > **Responden Keganasan Berasaskan Gender:**  
<http://gbvresponders.org/response/core-concepts/>
- > **Pasukan Petugas Pencegahan Eksploitasi dan Penderaan Seksual:**  
<http://www.pseataskforce.org/>
- > **WHO:** [http://apps.who.int/iris/bitstream/10665/44615/1/9789241548205\\_eng.pdf](http://apps.who.int/iris/bitstream/10665/44615/1/9789241548205_eng.pdf)

# LAMPIRAN II: Sumber tambahan termasuk peralatan dan aktiviti

## Sumber tambahan

Kami sentiasa mengemas kini sumber yang tersedia di halaman web kami bagi **Panduan Poket – [www.gbvguidelines.org](http://www.gbvguidelines.org)**. Ada sumber untuk dikongsi? Hantar e-mel kepada kami di **[gbv.guidelines@gmail.com](mailto:gbv.guidelines@gmail.com)**.

SEKTOR/TOPIK	SUMBER	PAUTAN
Garis Panduan Jawatankuasa Tetap Antara Agensi bagi Keganasan Berasaskan Gender	Bahan-bahan latihan dalam bahasa EN, AR, FR, SP, MS dan ZH	<a href="https://gbvguidelines.org/en/training/">https://gbvguidelines.org/en/training/</a>
WASH	Keganasan, Gender dan set peralatan WASH	<a href="http://violence-wash.lboro.ac.uk/">http://violence-wash.lboro.ac.uk/</a>
Keselamatan Makanan	Manual Keganasan Berasaskan Gender WFP	<a href="https://reliefweb.int/report/world/gender-based-violence-manual">https://reliefweb.int/report/world/gender-based-violence-manual</a>
Sara hidup	Peralatan CLARA	<a href="https://www.womensrefugee-commission.org/empower/resources/1231-clara-tool">https://www.womensrefugee-commission.org/empower/resources/1231-clara-tool</a>
Tempat berlindung	Peneman Tetap Keganasan Berasaskan Gender Shelter Cluster dan garis panduan tempat berlindung	<a href="https://www.sheltercluster.org/gbv">https://www.sheltercluster.org/gbv</a>
Tunai	Sumber Tunai dan Perlindungan daripada Cash Learning Partnership (CaLP)	<a href="http://www.cashlearning.org/ctp-and-multi-sector-programming/protection">http://www.cashlearning.org/ctp-and-multi-sector-programming/protection</a>
Perumahan, Tanah dan Harta	Mendapatkan HLP bagi wanita dari NRC	<a href="http://womenshlp.nrc.no/">http://womenshlp.nrc.no/</a>
Kesihatan mental dan sokongan psikososial	Panduan Bantuan Kecemasan Psikologi WHO	<a href="http://www.who.int/mental_health/publications/guide_field_workers/en/">http://www.who.int/mental_health/publications/guide_field_workers/en/</a>
	Rangkaian kesihatan mental dan sokongan psikososial	<a href="https://www.mhpss.net/">https://www.mhpss.net/</a>



## RISALAH:

# Kemahiran Komunikasi Bertumpukan Mangsa Terselamat

## Gerak-geri tubuh

Gerak-geri tubuh adalah isyarat yang dihantar melalui wajah dan bahagian badan kita yang lain. Ini termasuk bagaimana/di mana kita duduk dengan orang—persekitaran yang kita sediakan. SOLER dalam bahasa Inggeris bermakna penggunaan gerak-geri tubuh yang baik, untuk menyokong mangsa terselamat.

- > **Tepat:** Ini bermakna kita duduk tepat di depan mangsa terselamat, dan memandangi mereka.
- > **Terbuka:** Ini bermakna kita tidak meletakkan apa-apa antara kita dan mangsa terselamat. Tiada meja, tiada objek. Tiada halangan di ruang antara anda dan mangsa terselamat.
- > **Membongkok:** Ini bermakna kita membongkok ke arah mangsa terselamat. Ini akan memberitahu mangsa terselamat yang kita ingin mendengar percakapan mereka, dan akan terus duduk dan mendengar.
- > **Hubungan mata:** Ini bermakna kita kekalkan hubungan mata dengan mangsa terselamat pada setiap masa (melainkan ia melanggar budaya tempatan).
- > **Relaks:** Ini bermakna kita mengekalkan posisi duduk yang santai. Jangan duduk membongkok di kerusi dan kelihatan malas, dan jangan pula duduk dengan kaku dan tegak. Kita perlu rasa selesa supaya mangsa terselamat pun akan turut berasa selesa dan santai.

## Mesej Lisan

Mesej-mesej lisan adalah apa yang kita cakapkan, atau kandungan perbualan itu. Meniru gerakan mangsa terselamat, menggunakan bahasa yang sama dengan mereka, dan membuat penjelasan secara ringkas, adalah penting bagi memastikan mangsa terselamat berasa selamat dan selesa untuk berkongsi pengalaman mereka. Berdiam diri juga boleh memberi masa untuk mangsa terselamat berfikir dan memproses emosi mereka, walaupun sukar untuk kita berdiam diri kadang-kadang!

## Mendengar Secara Aktif

- > **Gunakan** soalan terbuka untuk benar-benar memahami pemikiran dan perasaan mangsa terselamat.
- > **Ulang kembali** dan ringkaskan (*"Biar saya lihat sama ada saya faham apa yang anda telah beritahu saya setakat ini"*).
- > **Gambarkan** semula isi dan/atau perasaan (*"Bunyiya seperti anda amat takut semasa dia menjerit dan mengangkat tangannya"*). Gambarkan semula perasaan dan pemikiran mangsa terselamat supaya mereka dapat melihatnya sendiri seperti dalam cermin. Bantu mereka melihat situasi mereka dengan lebih jelas, dan pilihan yang ada. Bantu mereka untuk memfokus.

(sebelah)

## Mengesahkan dan Menormalkan

- > Perkara terbaik yang kita boleh lakukan adalah memahami dan mengiakan perasaan mangsa terselamat—dan menormalkannya. Contohnya, jika mangsa terselamat mula menangis, kita boleh berkata: ***Anda berhak untuk rasa marah dan sedih. Anda boleh menangis di sini. Saya akan menemani anda sehingga anda sedia untuk berbual.***
- > Kita mungkin akan meminta mangsa terselamat untuk TIDAK menunjukkan emosi, atau mungkin meremehkan pengalaman mereka melalui kata-kata seperti, “Jangan takut,” “Jangan menangis,” “lanya tidak teruk sangat,” “Segalanya akan selamat”, tetapi hakikatnya, kita perlu memberitahu mangsa terselamat bahawa reaksi mereka adalah **reaksi normal** terhadap **peristiwa yang tidak normal**. Ini mungkin akan membuat kita rasa janggal—menemani seorang yang sedang menangis, atau marah, atau kemurungan—tetapi, sebagai pembantu yang baik, kita mesti biarkan mereka meluahkan perasaan mereka.
- > Jangan minta mangsa terselamat untuk TIDAK merasakan sesuatu, sebaliknya, kita patut **mengiakan** perasaan mereka dan **menormalkannya**.

Kenyataan memulihkan adalah kata-kata yang boleh dikatakan kepada mangsa terselamat, seurus selepas mereka memberitahu kita tentang kejadian dan sepanjang proses bantuan, bagi menggalakkan pemulihan mereka.

- > “Saya percaya anda.”
- > “Saya lega anda memberitahu saya.”
- > “Saya kesal perkara ini berlaku kepada anda.”
- > “Ini bukan salah anda.”
- > “Anda berani kerana bercakap dengan saya.”

## Mesej Tingkah Laku

Mesej tingkah laku merangkumi perkara yang kita buat. Apa yang penting adalah memberi maklumat, BUKAN nasihat.

**Memberi nasihat** bermakna memberi pendapat anda tentang apa yang patut dibuat oleh seseorang, dan cara mereka patut melakukannya. Menasihati mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender adalah tidak berguna kerana anda tidak tahu jika anda memberikan nasihat yang betul. Sebagai pembantu, kita jangan sekali-kali menasihati mangsa terselamat.

**Memberi maklumat** bermakna menerangkan fakta-fakta kepada seseorang supaya mereka dapat membuat keputusan yang termaklum tentang langkah seterusnya. Memberi maklumat kepada mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender boleh membantu memperkasakan mereka untuk membuat keputusan sendiri, dan turut menunjukkan pendapat dan keputusan mereka dihormati.

## RISALAH:

### Sikap Bertumpukan Mangsa Terselamat

Mangsa terselamat tidak bersalah atas keganasan yang dialami oleh mereka. Pelakunya yang memilih untuk menggunakan keganasan. Perkara ini mesti difahami bagi memastikan keselamatan dan pemulihan mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender, dan untuk mengelakkan situasi bertambah buruk.

Kita semua mempunyai sikap dan fahaman sendiri tentang kerja ini, dan ada antaranya yang boleh memudaratkan mangsa terselamat tanpa kita sedari. Mengenal pasti sikap seperti ini dan mula menanganinya, adalah amat penting.

Dalam kebanyakan komuniti, mangsa terselamat biasanya akan dipersalahkan, dan isu ini mesti dielakkan dan ditangani semasa kita membantu mangsa terselamat. Sikap bertumpukan mangsa terselamat bermakna mengutamakan kepentingan mangsa terselamat, dan menjalankan kerja menurut kehendak dan keperluan mangsa terselamat, dan bukannya menurut pendapat kita tentang kehendak dan keperluan mereka.

<b>SIKAP DAN FAHAMAN YANG NEGATIF</b>	<b>SIKAP DAN FAHAMAN YANG MENYOKONG DAN BENAR</b>
Jika wanita atau kanak-kanak perempuan yang berperangai tidak senonoh telah dirogol, itu adalah salah mereka.	Rogol berlaku kerana pelakunya memilih untuk menindas orang lain menggunakan kuasa mereka. Jangan sekali-kali menyalahkan mangsa terselamat. Kejadian Keganasan Berasaskan Gender sentiasa berpunca daripada pelakunya.
Jika mangsa terselamat tidak dapat menjawab soalan yang ditanya semasa ditemu bual, cerita mereka adalah palsu.	Trauma daripada respons psikologi dan fizikal boleh menyebabkan mangsa terselamat menjadi keliru dan tidak dapat menjawab soalan tentang kejadian itu.
Perangai isteri yang menyebabkan suami bertindak ganas ke atas dirinya.	Keganasan adalah pilihan pelakunya dan tidak patut berlaku sama sekali dalam perhubungan.
Seseorang yang memaksa orang lain untuk melakukan hubungan seks sememangnya tidak dapat mengawal keinginan seksual mereka.	Kebanyakan perogol didorong oleh kuasa, kemarahan, serta kawalan, dan bukannya keinginan untuk melakukan hubungan seks. Lelaki boleh mengawal keinginan seksual mereka. Kebanyakan kejadian rogol dirancangkan terlebih dahulu—kawalan berada di tangan lelaki yang merogol.
Keganasan pasangan intim/Keganasan Rumah tangga (IPV) adalah masalah keluarga yang harus diselesaikan sendiri.	IPV adalah isu keselamatan dan kesihatan komuniti yang harus diutamakan, dan ia membentuk jenayah dalam banyak negara. Beribu-ribu wanita dibunuh setiap tahun kerana IPV. Mangsa terselamat IPV perlukan sokongan komuniti.

(sebelah)

SIKAP DAN FAHAMAN YANG NEGATIF	SIKAP DAN FAHAMAN YANG MENYOKONG DAN BENAR
Kebanyakan lelaki memukul isteri mereka hanya selepas mereka minum atau mengambil dadah.	Dadah dan alkohol boleh menjadi faktor penyebab bagi Keganasan Berasaskan Gender. Namun, punca sebenar bagi Keganasan Berasaskan Gender adalah pelakunya yang memilih untuk menggunakan keganasan, kuasa dan kawalan mereka. Bukan semua lelaki yang minum atau mengambil dadah akan memukul isteri mereka. Lelaki yang mengambil alkohol dan dadah memilih siapa yang akan dipukul, iaitu mereka sendiri yang memilih siapa yang akan diperlakukan dengan keganasan.
Mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender mesti melaporkan kes mereka kepada polis atau pihak berkuasa keadilan yang lain.	Mangsa terselamat sepatutnya boleh memilih siapa yang ingin diberitahu tentang kes mereka.
Suami tidak boleh merogol isterinya.	Wanita sepatutnya boleh memberitahu pasangan mereka jika mereka mahu dan tidak mahu melakukan hubungan seks. Banyak negara sekarang ini mempunyai undang-undang terhadap kesalahan rogol dalam perkahwinan. Wanita berkahwin memiliki hak keselamatan yang sama dengan wanita yang tidak berkahwin. Kebanyakan wanita yang melalui keganasan pasangan intim pernah mengalami penderaan seksual dalam perkahwinan mereka.
Pekerja kemanusiaan berperanan untuk menentukan sama ada mangsa terselamat bercakap benar.	Pekerja kemanusiaan berperanan untuk menyokong dan mempercayai mangsa terselamat.
Wanita dirogol kerana mereka berpakaian tidak senonoh atau pergi ke tempat yang salah.	Perogol mencari mangsa yang mudah diserang, bukan wanita yang berpakaian secara tertentu. Seburuk mana kelakuan seseorang, tiada sesiapa yang "memang patut" dirogol.
Wanita sering menipu mereka telah dirogol.	Sama seperti jenayah serius yang lain, hanya peratusan kecil laporan kes rogol adalah palsu, berdasarkan penyelidikan global. Ini adalah sama juga bagi jenayah keganasan serius yang lain.
Kejadian rogol hanya berlaku di luar, pada waktu malam apabila mangsa berada seorang diri	Kejadian rogol boleh dan akan berlaku pada bila-bila waktu dan di mana-mana tempat. Banyak kejadian rogol berlaku pada waktu siang dan di rumah mangsa, contohnya kanak-kanak perempuan dan wanita hilang upaya boleh dirogol apabila berada seorang diri di rumah. Wanita dan kanak-kanak perempuan juga biasanya mengenali pelaku (bapa tiri, bapa saudara, dll.). Kejadian rogol sering berlaku di dalam rumah.
Jika seseorang itu tidak "melawan balik", maknanya dia tidak dirogol.	Rogol boleh mengancam nyawa. Melakukan apa sahaja untuk menyelamatkan diri semasa diserang adalah tindakan yang betul. Ini termasuk tidak melawan kerana ketakutan.
Jika mangsa terselamat tiada kecederaan fizikal akibat rogol, maknanya dia tidak dirogol.	Mangsa terselamat mungkin tiada tanda-tanda fizikal akibat serangan itu.

<b>SIKAP DAN FAHAMAN YANG NEGATIF</b>	<b>SIKAP DAN FAHAMAN YANG MENYOKONG DAN BENAR</b>
Sumbang muhrim (rogol atau penderaan seksual oleh ahli keluarga) jarang berlaku.	Sumbang muhrim adalah perkara biasa, dan ia berlaku dalam semua komuniti.
Serangan seksual biasanya berlaku antara orang yang tidak dikenali.	Dianggarkan lebih daripada 80% mangsa rogol mengenali penyerang mereka. Perogol mungkin adalah saudara, kawan, rakan sekerja, teman lelaki atau kenalan lain.
Pekerja seks tidak akan boleh dirogol.	Berbanding golongan wanita yang lain, pekerja seks adalah lebih berisiko untuk mengalami rogol dan keganasan lain.
Mangsa terselamat tidak patut terlalu banyak berfikir tentang pengalaman keganasan mereka. Dia patut "melupakannya."	Mangsa terselamat yang dihalang bercakap tentang pengalaman keganasan mereka adalah lebih susah untuk dipulihkan. Mangsa terselamat harus diberi peluang untuk bercakap tentang serangan mereka dengan orang yang rapat dengan mereka, jika mereka ingin berbuat demikian.

